



فجایة شعاره تانه دان کالین ترغخانو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.
Telefon : 09-6231957 samb. 2700 - 2706
3100 - 3115 Fax. : 09-6229887



(75)

PTG. TR. 05/1988/06/02 - (75)

2 R' Akhir 1421
4 Julai 2000

Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu
Pentadbir Tanah, Dungun
Pentadbir Tanah, Kemaman
Pentadbir Tanah, Besut
Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu
Pentadbir Tanah, Marang
Pentadbir Tanah, Setiu.

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL 3 TAHUN 2000 -
"PENJELASAN BEBERAPA ISU DASAR BARU TANAH NEGERI
TERENGGANU TERMASUK CADANGAN BORANG PERMOHONAN
TANAH SECARA TERANCANG BARU (PEGANTIAN BORANG
PERMOHONAN TANAH BERKELOMPOK LAMA) SERTA MAKLUMAT
TAMBAHAN TENTANG PENGEMASAN PROSES PERMOHONAN
TANAH DARI PEMASTAUTIN TANPA HAK.**

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas tentang Dasar Baru Tanah sebagaimana disetujui di Mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri Bil. 1/2000 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 274/2000 bertarikh 17hb. Mei Tahun 2000, di bawah ini dibentangkan penjelasan beberapa isu berkaitan di atas bagi maklumat / panduan dan tindakan tuan jua.

2. Adalah dimaklumkan iaitu secara umum, intisari Dasar Baru Tanah mengenai permohonan tanah adalah pembatalan Dasar Penutupan Tanah yang diamal berdasar GN 329/75. Dengan itu setiap pemohon yang memohon tanah perlu mengisi borang tertentu ikut Peraturan Tanah serta membayar "feeny" sebelum diproses lanjut.

3. Cara pemerosesan permohonan tanah yang diutamakan adalah secara Rancangan Terancang. Ini bermakna jika pun permohonan diterima secara individu, Pentadbir Tanah hendaklah memproses dalam sekop Rancangan secara terancang. Dalam hubungan itu, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil kira pengujudan seberapa banyak lot-lot yang sesuai di sekitar lot yang dipohon berkaitan dan layout lot-lot ini perlu di angkat bersekali dengan lot individu yang dipohon bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Lot-lot ini kemudiannya bolehlah dicadang jika ada permohonan tanah jenis yang sama di kawasan berkaitan dari pemohon-pemohon yang baru yang memohon berasas bukan cara permohonan berkumpulan.

10 JUL 2000

Dihantar pada

(CJL)

Tandatangan
Kerani Kasiter/Deputy
Pejabat Pengarah Tanah
& Galion TRZ.

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

4. Selaras dengan matlamat mempastikan ketelusan proses pemilihan di mana borang permohonan tanah berkelompok disetujui diletak gambar pemohon, pejabat ini mencadangkan borang seperti format berkembar diterimapakai di seluruh Pejabat Tanah negeri ini. Gambar ini boleh juga digunakan semasa pameran peserta yang dicadangkan bagi apa-apa kemungkinan bantahan awam sebelum diangkat ke Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi di sah sebagai peserta berjaya.

5. Bagi mempastikan diperolehi seberapa banyak kebebasan dan pengesahan maklumat pemohon, disyorkan supaya pemohon dan pasangannya disyarat hadir sama semasa temuduga di hadapan Panel Temuduga Jawatankuasa Pemilih Tanah dengan membawa sama bukti-bukti yang menyokong permohonan tanahnya.

6. Bagi urusan pemerosesan permohonan tanah pemastautin tanpa hak, oleh kerana permohonan ini mengambil kira elemen lama tempoh pemastautin tinggal di Negeri Terengganu keperluan surat akuan sumpah dikekalkan dengan surat akuan sumpah ini hendaklah diminta dimasuk elemen tempoh menetap di Negeri Terengganu di samping maklumat lain sebagaimana sokongan kepada Borang permohonan ikut Peraturan Tanah sedia ada dan fees seperti ditetapkan.

7. Syarat-syarat kelayakan kadar premium dan kelulusan tanah dan tatacara bagi pemerosesan permohonan tanah secara terancang, permohonan tanah dari pemastautin tanpa hak dan permohonan individu yang diproses secara khas oleh Pentadbir Tanah sebagaimana dalam minit Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri Bil. 1/2000 hendaklah diikuti bagi penyelarasan seluruh Pejabat Tanah.


8. Format borang menjadi peserta Rancangan Tanah berkelompok sebagaimana Lampiran B di Arahan PTG. TR. Bil. 1/1988 adalah dibatalkan dan diganti dengan borang seperti berkembar dan Pemberitahu Penerima Peserta Rancangan Tanah berkelompok seperti di Lampiran F di Arahan PTG. TR yang sama diubahsuai selaras dengan Dasar dan kelayakan memohon Rancangan Tanah secara terancang (Rancangan Tanah Berkelompok) Dasar Tanah Baru Negeri Terengganu.

9. Arahan PTG. TR. Bil. 2/1983 berkait kadar Premium dan Syarat-Syarat Tanah Kerajaan yang diperintah secara haram di Negeri Terengganu dibatalkan dan diganti dengan yang digariskan di dalam Dasar baru berkait Permohonan pemastautin tanpa hak sebagaimana disah di Mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri Bil 1/2000.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI IBRAHIM BIN A. RAHMAN)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

S.K.

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
(Khidmat Pengurusan).

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
(Pendaftaran).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Pembangunan Tanah).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Kuatkuasa).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(ABT/Saguhati).

HMS/rj...
Arahan PTG 3 / Disk A/HMS..
2.55ptg/04072000.